



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada jam 11.00 pagi ini menunjukkan tiada (0) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, enam puluh lima (65) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan **tiga (3) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini, iaitu:**

- 1) IPD Serian, SARAWAK (IPU - 162)**
- 2) Samarahan, SARAWAK (IPU - 155)**
- 3) Kuching, SARAWAK (IPU - 132)**

Kualiti udara di beberapa kawasan dalam negara hari ini masih mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat. Tiga kawasan di Sarawak merekodkan bacaan tersebut, yang dipercayai dipengaruhi oleh pergerakan asap jerebu dari pelbagai arah.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **15 Ogos 2026**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20*, terdapat **132 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan, 115 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera dan 6 titik panas (hotspot) dikesan di dalam negara iaitu 1 di Melaka, 1 di Johor, 2 di Sarawak dan 2 di Sabah.**

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* pada 16 Ogos 2026 menunjukkan titik panas bertaburan dikesan di kebanyakan kawasan di Kalimantan, manakala titik panas terpencil dikesan di Pulau

Jawa, Kepulauan Sunda Kecil, Sulawesi dan bahagian selatan Sumatera. Kepulan asap sederhana diperhatikan di bahagian selatan dan barat Kalimantan. Kepulan asap setempat ringan turut diperhatikan di bahagian selatan dan tengah Sumatera. Walau bagaimanapun, litupan awan yang meluas menghalang pemerhatian penuh terhadap situasi titik panas dan jerebu semasa.

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.

Semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

- Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyJAS EQMS di 'Google Play' atau 'App Store';
- Orang ramai dinasihatkan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;

- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja**. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024, kadar denda telah dinaikkan kepada minimum RM25,000 dan maksimum RM1,000,000, atau penjara sehingga 5 tahun, atau kedua-duanya. Di samping itu, kompaun sehingga tidak melebihi 50% denda maksimum boleh dikenakan atas setiap kesalahan; dan
- Orang ramai memainkan peranan penting dalam membantu mengurangkan kejadian pembakaran terbuka dan seterusnya membendung kemerosotan kualiti udara, terutamanya semasa situasi jerebu. Keterlibatan awam adalah melalui kerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan tindakan segera untuk melaporkan sebarang kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999 dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, 1-800-88-2727.

HAJAH AZURI AZIZAH BINTI HAJI SAEDON
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
16 OGOS 2026



Peta Jerebu Serantau Yang Dikeluarkan Oleh ASMC Pada 16 Ogos 2026

